

SELERA

# SAJIAN WARISAN DI UPM

Tawar 200 Hidangan Buka Puasa



DATUK Mohd. Al Khafiz Zainal (depan) Ketua Chef, Mohd. Shahrizan Hairi Zoolkaflee (tengah) dan Chef Noraini Salleh (belakang) menunjuk antara hidangan berbuka puasa.

Oleh MOHD. IZZUL FARHAN  
AHMAD SURIANSHAH

**S**EMPENA bulan Ramadan yang menjelang tiba, Sajian Warisan 2016 membawa kumpulan chef terkenal dan lebih 200 jenis makanan sebagai hidangan berbuka puasa yang akan diadakan di Dewan Banquet Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor.

Sajian Warisan yang telah beroperasi sejak 2012

dianjurkan sepenuhnya oleh UPM Consultancy and Services Sdn. Bhd., - anak syarikat milik penuh UPM - dengan sokongan MyKitchen Food Industries Sdn. Bhd., sebuah syarikat berdasarkan penyediaan dan teknologi makanan yang beroperasi sejak 2009.

Pengarah Urusan MyKitchen Catering Sdn. Bhd., Mohd. Shahrizan Hairi Zoolkaflee atau dikenali Chef Shah berkata, bagi edisi kali ini, Sajian Warisan disokong sepenuhnya oleh



ANEKA buah-buahan potong.

Persatuan Muslim Chef Malaysia (PMCM) sekali gus menjadikan buffet tersebut yang terbaik pernah diadakan.

Katanya, Sajian Warisan akan berlangsung selama 24 hari mulai 10 Jun depan bermula pulak 6 petang hingga 10 malam yang mana pelbagai persembahan dan aktiviti sampingan turut disediakan.

"Ramai chef terbaik akan bersama-sama mengembangkan kelekapan dalam menyediakan makanan yang terbaik antaranya Royal Chef Noraini, Master Chef Zubir Zain, Executive Chef Kabir dan pasukan utama dipimpin oleh saya sendiri.

"Pengalaman dan pengetahuan mereka akan diterjemahkan dalam bentuk makanan terbaik kepada para pelanggan Sajian Warisan 2016," katanya kepada *Mingguan Malaysia* dalam majlis bersama media di Dewan Banquet UPM, baru-baru ini.

Chef Shah memberitahu, lebih 200 jenis makanan akan menjadi menu utama sepanjang buffet Ramadan kali ini antaranya nasi briyani, nasi minyak, daging masak kurma, dalca sayur dan



ANEKA puff.



NASI Minyak  
Ala Sajian  
Warisan.



SAMBAL  
Udang Kasih  
Sayang.



AYAM  
Masak Merah  
Membara-Bara



KAMBING  
Briyani  
Meletop.



KEROPOK  
Papadum.



JELATAH  
Mentah  
Warisan.



KEK Brownies Marvelous.



ANEKA Tart Cheese.

## INFO

Sajian Warisan @ Dewan  
Banquet UPM  
UPM Consultancy & Services  
Sdn. Bhd.

Tingkat 1, Banquet Hall,  
43400 Universiti Putra  
Malaysia

Tel: 03-87334960/011-  
40053215/011-  
40053216/011-40053218

E-mail: [buffet.ramadhan@gmail.com](mailto:buffet.ramadhan@gmail.com)

<http://buffetramadhan.wix.com/buffetramadhan2016>  
<https://www.facebook.com/BuffetWarisan>

daging, ayam masak merah madu, ikan tenggiri masak kari, udang panggang ala Thai, sayur campur bawang putih, daging opor nanas, daging salai campur rebung cili api dan ayam masak merah saga.

Tambahnya, hidangan lain ialah mackerel goreng kicap halia, sambal udang seri selasih, sayur kailan ikan masin, daging panggang, sos cendawan, asam daging tetel, ayam rendang lemak, asam pedas ikan pari, kari sotong, daging masak kurma, daging hitam manis dan ayam masak Padang,

"Masakan lain ialah ikan goreng sos Thai, taufu Jepun, sos tiram, daging lembu panggang lada hitam, daging masak rendang Padang, ayam lemak cili api, pari bakar berkuah pedas, asam tumis terung udang dan rendang pucuk ubi.

"Para pelanggan juga boleh

memilih spaghetti bolognese dengan sos, udang fry, salmon, kupang, thousand Island + lemon + sos, mi hoon Singapura mi hoon sup, mi goreng mamak, kuay teow basah Sabah, laksa Penang, mi kari, mi Bandung Muar, mi goreng, mi hailam, mi rebus kerabu udang/sotong/mangga," ujarnya.

Jelasnya, terdapat pelbagai gerai yang menghidangkan kambing golek, ayam golek madu, nasi ayam, makanan barat, masakan Arab, makanan laut, minuman istimewa dan kuih-muih.

Menurutnya, Sajian Warisan itu diadakan di dalam dewan berhawa dingin dan mampu memuatkan sehingga 1,500 pengunjung pada satu-satu masa.

"Pengunjung tidak perlu bimbang mengenai tempat letak kenderaan kerana ia sentiasa mencukupi untuk keselesaan mereka. Ruang solat, ruang santai dan gerai jualan juga tersedia bagi memudahkan pengunjung sepanjang berada di buffet Ramadan kali ini," katanya.

Lebih menarik lagi, buffet Ramadan itu ditawarkan pada harga yang termurah di Lembah Kelang iaitu RM49.90 untuk dewasa dan RM24.90 untuk kanak-kanak berumur 7 hingga 12 tahun serta warga emas 65 tahun ke atas.

Selain itu, katanya, pihaknya turut menawarkan paket korporat, kerajaan dan organisasi pada harga dewasa RM44.90 bersih bagi 10 orang ke atas dan paket asnaf, rumah anak yatim dan organisasi kebajikan berdaftar pada harga RM22.40 untuk dewasa 10 orang ke atas.